

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE-14 DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 2

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penggubalan Rang Undang-Undang berhubung dengan "*Freedom of Information*" yang akan menggantikan Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] serta bilakah Kerajaan bercadang untuk membuat konsultasi awam berkenaan Rang Undang-Undang tersebut sebelum dibawa ke Parlimen.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN, TIMBALAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 11 Julai 2018 telah memutuskan supaya satu Akta Kebebasan Maklumat digubal di peringkat Persekutuan. Pelaksanaan cadangan ini diletakkan di bawah bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal undang-undang dan turut dibantu oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dalam urusan penggubalan akta tersebut.

Dalam konteks ini, beberapa sesi perbincangan telah diadakan melibatkan Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang, Pejabat Penasihat Undang-Undang Selangor dan Unit Pemodenan

NO. SOALAN : 2

Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi membincangkan hala tuju dan konsep berkaitan undang-undang kebebasan maklumat selain meneliti keperluan sama ada:

- (i) untuk memansuhkan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- (ii) mewujudkan Akta Kebebasan Maklumat dan mengekalkan Akta 88; atau
- (iii) menambahbaik peruntukan di dalam Akta 88 sahaja.

Kerajaan juga komited untuk memastikan cadangan gubalan Akta Kebebasan Maklumat ini dilaksanakan secara holistik dan inklusif. Justeru, konsultasi awam berkaitan cadangan gubalan Akta Kebebasan Maklumat akan dilaksanakan sebaik sahaja aspek polisi berkaitan akta ini dimuktamadkan dengan pihak berkepentingan.